

# 4

## **EFIKASI DIRI DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR IPTA**

HASHIM FAUZY YAACOB  
ISHAK MD SHAH

### **PENGENALAN**


Sejak hampir tiga dekad lalu, banyak penyelidikan telah menyumbang dan memperkukuh Teori Pembelajaran Sosial atau Teori Kognisi Sosial yang dipelopori oleh Alfred Bandura, antaranya ialah Efikasi Diri (ED). Efikasi diri ialah jangkaan seseorang bahawa dia telah bertingkah laku seperti yang diperlukan untuk menghasilkan atau mencapai sesuatu natijah (Bandura, 1977). Ia diertikan sebagai keyakinan terhadap sesuatu keupayaan untuk menyusun dan melaksanakan kognitif, tingkah laku dan kemahiran sosial yang diperlukan untuk kejayaan terhadap sesuatu tugas (Bandura, 1986, Schunk, 199; Zimmerman, 1989).

Teori ini menganjurkan bahawa tingkah laku bermotivasi boleh memberi penjelasan terbaik dengan merujuk kepada proses kognitif secara sadar yang membabitkan keupayaan untuk menjangka matlamat dan ganjaran, penggunaan pertimbangan, penilaian dan pembuatan keputusan berbanding dengan kognitif tidak sadar secara biologi atau proses mekanikal. Oleh itu efikasi diri bukanlah tret personaliti atau pembawaan, dan ia bukannya biologikal (Borich dan Tombari, 1997).

Efikasi merupakan ciri kompetensi. Efikasi diri boleh diukur berdasarkan pembahagian yang bersifat magnitud, kekuatan dan umum. Menurut Bandura (1977) tingkah laku kita selalunya diperantarakan melalui perasaan sama ada kita boleh membentuk

tingkah laku. Secara umum kita memilih untuk melakukan sesuatu yang kita rasa boleh lakukan dan tekun dalam melakukan aktiviti yang memperoleh ganjaran, perasaan kompeten atau efikasi diri (Schneider, 1988). Ia merupakan penilaian atau penaksiran yang dilakukan seseorang mengenai kompetensi dirinya untuk mencapai kejayaan dalam tugas tertentu. Oleh itu efikasi diri ialah situasi-khusus. (Borich dan Tombari, 1997).

Dalam teori efikasi, jangkaan terhadap efikasi berbeza daripada jangkaan terhadap hasil atau natijah. Jangkaan efikasi bermaksud individu percaya bahawa mereka akan berjaya membentuk tingkah laku yang diperlukan untuk menghasilkan sesuatu natijah, sebaliknya jangkaan terhadap natijah berkaitan dengan agakan bahawa tingkah laku akan menghasilkan suatu natijah tertentu. Sebagai contoh, pelajar boleh mempercayai tingkah laku tertentu akan menghasilkan natijah tertentu yang dijangka tetapi mereka mungkin tidak mempercayai bahawa mereka boleh melaksanakan tingkah laku yang akan menghasilkan sesuatu natijah (Travers et,al, 1993). Dalam bentuk gambarajah hubungan jangkaan efikasi dan jangkaan natijah adalah seperti berikut:



**Rajah 1:** Hubungan Jangkaan Efikasi dan Jangkaan Natijah

Selain daripada itu, jangkaan efikasi mungkin tidak melibatkan semua tingkah laku kerana individu mungkin mempunyai persepsi efikasi yang rendah dalam sesuatu lingkungan kemahiran seperti akademik, sebaliknya mungkin mempunyai persepsi yang tinggi dalam efikasi bagi lingkungan kemahiran yang lain misalnya sosial dan fizikal (Travers et.al 1993).


Natijah yang selalu dikaitkan secara terus dengan efikasi ialah tingkah laku dan pencapaian. Sejak awal, pelopor teori ini telah menghubungkan tanggapan terhadap efikasi diri dengan pencapaian. Bandura dalam bukunya pada tahun 1977 telah melaporkan kajian yang menunjukkan hubungan yang signifikan antara efikasi diri dengan pencapaian prestasi yang berkaitan dengan kerja. Stadjkovich dan Luthans yang membuat sintesis ke atas 114 kajian empirikal mendapati terdapat hubungan antara efikasi dan pencapaian kerja. Oleh itu, teori dan penyelidikan tentang efikasi telah membuat postulat bahawa efikasi memberi kesan kepada pencapaian dan prestasi manusia.

Model yang dibuat oleh Locke dan Lathan (1990), Hgarland (1985) dan Eden (1988) kesemuanya menyarankan jangkaan matlamat diri yang diset dan efikasi diri menyumbang kepada pencapaian. Begitu juga beberapa kajian lain membuktikan efikasi diri boleh memberi natijah positif. Contohnya seperti remaja yang tinggi efikasi tentang kompetensi sosial tidak akan menunjukkan tingkah laku bermasalah. Wanita yang menghadapi masalah keguguran akan lebih baik apabila mempunyai efikasi yang tinggi. Kaunselor akan lebih berkesan membantu klien jika efikasi mereka tinggi. Efikasi diri juga akan menjadikan seseorang tahan sakit dan meningkatkan kesihatan mereka, boleh berhenti merokok, melupakan kesan penyakit kanser, meninggalkan tabiat meminum alkohol, dan mengurangkan sensitiviti mereka terhadap kesan HIV (Philipchalk, 1995).

Selain daripada itu, efikasi juga boleh menjadi faktor pengantara kepada sesuatu natijah. Efikasi diri telah dibuktikan sebagai peramal yang boleh dipercayai dapat meningkatkan motivasi dan pencapaian

tugas. Ini dibuktikan oleh Bandura dan Wood (1989)

Oleh kerana kepentingan efikasi dalam pencapaian, teori ini banyak diaplikasikan dalam berbagai bidang seperti pendidikan, pengurusan sumber manusia, tingkah laku organisasi, sukan, kesihatan dan sebagainya (Robbins, 1989, Appelbaum dan Hare, 1996). Dalam konteks organisasi misalnya, Gibson, Ivancevich dan Donelly Jr. (1997) berpandukan teori oleh Bandura telah membina satu model bagi menunjukkan hubungan efikasi diri dengan pencapaian dalam organisasi seperti ditunjukkan dalam rajah berikut:



**Rajah 2** Efikasi Diri dan natijah (Gibson et.al, 1977)

Model Gibson et.al (1997) cuba menunjukkan bahawa efikasi diri berperanan dalam motivasi dan pencapaian secara ketara. Pekerja yang tinggi efikasi diri mempunyai jangkaan yang kuat terhadap keupayaan untuk berjaya dalam suasana kerja yang baru (Robbins, 1989). Mereka berasa yakin dan menjangka akan berjaya. Pekerja mungkin mengambil tanggungjawab tugas dan melakukan usaha yang bersungguh-sungguh, atau di dalam aspek jangkaan, seseorang individu menjangka usaha mereka bermatlamatkan prestasi yang tinggi. Efikasi juga adalah komponen yang kritikal mewakili penilaian peribadi terhadap keupayaan menghadapi piawai organisasi dan prinsip asas kepada pengukuhan atau penyusunan (Appelbaum dan Hare, 1996). Efikasi diri adalah konteks khusus penilaian terhadap kompetensi untuk meningkatkan tugas khusus, penilaian terhadap sesuatu keupayaan untuk melaksanakan tingkah laku khusus dalam keadaan yang khusus (Pajares dan Miller, 1994). Latihan kemudiannya akan memberi makna positif yang memberi kesan kepada efikasi diri. Sebaliknya efikasi juga penting di dalam latihan pekerja untuk meningkatkan kemahiran yang mereka percayai kurang cukup untuk pencapaian yang baik.

Berdasarkan pernyataan-pernyataan daripada pendekatan teori mengenai efikasi di atas, kajian ini cuba mengenal pasti norma efikasi pelajar pusat pengajian tinggi di Malaysia dan cuba mengenalpasti hubungan antara efikasi diri mereka dengan pencapaian yang selalu dikaitkan dengan mereka iaitu pencapaian akademik.

### **Persoalan Kajian**

Satu daripada cabaran dalam pendidikan di pusat pengajian tinggi awam di Malaysia ialah pencapaian akademik pelajar, kerana polisi di dalam bidang pendidikan menghendaki graduan mempunyai kualiti yang tinggi dalam bidang pengajian mereka. Ini didasarkan kepada penilaian untuk memasuki pusat pengajian tinggi awam yang semakin tinggi berbanding beberapa dekad yang lalu.

Walau bagaimanapun, tidak semua pelajar boleh mencapai tahap pencapaian tertentu. Seringkali timbul pelbagai isu berhubung dengan pencapaian pelajar. Isu ini menjadi semakin hangat apabila terdapat perbezaan yang ketara dari segi pencapaian dalam sesebuah negara atau masyarakat yang berbilang kaum. Isu seperti ini telah menarik minat ramai pengkaji untuk meneliti apakah faktor yang berkaitan dengan pencapaian pelajar.

Tidak terdapat kesepakatan dalam menentukan apakah faktor utama yang mempengaruhi pencapaian pelajar terutamanya di dalam konteks pendidikan secara umum, dan yang lebih khusus seperti di peringkat rendah berbanding dengan peringkat menengah. Seorang sarjana pendidikan Malaysia yang telah meneliti kajian dan penulisan tentang faktor yang menyebabkan pencapaian yang rendah, dan merumuskan faktor utama yang mempengaruhi pencapaian di peringkat sekolah ialah (i) faktor yang tidak mudah diubahsuai iaitu taraf ekonomi keluarga dan persekitaran (ii) faktor yang boleh diubahsuai melalui intervensi iaitu disfungsi personaliti dan kemahiran kognitif.

Disfungsi kognitif merangkumi kekurangan kawalan sendiri, keresahan, motivasi dan sikap. Faktor kemahiran kognitif pula merangkumi aspek yang berkaitan dengan minda seperti kemahiran berfikir dan kemahiran belajar (Philips, 1993).

Pencapaian pelajar pusat pengajian tinggi juga dipengaruhi oleh banyak faktor. Menurut Johnes dan Taylor (1990) ada dua faktor yang mempengaruhi iaitu faktor pelajar dan faktor universiti. Faktor yang berkaitan dengan pelajar ialah (i) keupayaan akademik yang tinggi kerana universiti yang mengambil pelajar yang mendapat gred yang tinggi biasanya melahirkan pelajar yang mempunyai pencapaian yang baik (ii) penempatan pelajar di tempat pengajian yang mana mereka dapat menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan universiti (iii) faktor bahasa dan (iv) jantina.

Kajian-kajian yang lain pula sering menggunakan angkubah yang begitu popular iaitu tahap kecerdasan (IQ). Oleh kerana kecerdasan sering dijadikan ukuran, maka banyak hasil kajian

atau teori, menyatakan kecerdasan secara umum berkaitan dengan kejayaan akademik. Sebaliknya pula kajian-kajian lain yang dibuat menunjukkan bahawa bukan faktor kecerdasan sahaja yang menjamin kejayaan akademik. Ramai pengkaji cenderung untuk mengaitkan angkuabah peribadi seperti kognitif, kemahiran dan kompetensi sebagai peramal yang penting kepada keupayaan dan pencapaian akademik.

Pengkaji selalu mengengahkan angkuabah seperti motivasi dalam penerangan mereka terhadap golongan pelajar yang rendah pencapaian akademik. Ini menunjukkan adalah munasabah bagi pengkaji menggunakan berbagai faktor lain selain daripada faktor kecerdasan dalam meneliti faktor kejayaan akademik. (Rothsten et. al, 1994). Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan angkuabah bukan tahap kecerdasan untuk mengenal pasti hubungannya dengan tahap pencapaian akademik iaitu efikasi diri. Persoalan kajian ini ialah apakah terdapat perkaitan antara efikasi diri dengan pencapaian akademik pelajar IPTA di Malaysia?

## **Kajian Literatur**

Dalam proses pembelajaran khususnya yang berkaitan dengan pencapaian akademik, sejak daripada awal tumpuan teori efikasi menjurus kepada kaitannya dengan pelajar. Menurut Bandura, pelajar yang percaya mereka tidak “yakin boleh” dalam menghadapi keperluan persekitaran akan cenderung memfokuskan ketidakcekapan mereka dan membesar-besarkan potensi kesukaran. Pelajar yang mempunyai perasaan efikasi yang kuat, sebaliknya cenderung untuk memberi perhatian terhadap usaha menurut permintaan terhadap tanggungjawab mereka dan akan meminimumkan kesukaran. Selain daripada itu, efikasi juga selalu dikaitkan dengan motivasi dalam proses pembelajaran.

Schunk (1990) menyatakan rasa efikasi untuk mencapai kejayaan di sekolah boleh membantu pelajar untuk berusaha secara bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tanggungjawab mereka

dalam proses pembelajaran. Perasaan mereka tentang efikasi ialah ke arah meneguhkan atau memperkuat motivasi. Rasa efikasi menunjukkan kesan ke atas motivasi melalui penetapan matlamat, dan mempengaruhi matlamat yang akan diteruskan. Jika mempunyai rasa efikasi dalam bidang yang berkaitan, individu akan menentukan matlamat yang tinggi dan akan tetap meneruskannya walaupun terpaksa menghadapi kesukaran. Sebaliknya jika efikasi rendah, individu akan mengelak daripada tugas atau mengambil mudah apabila timbul masalah. (Bandura, 1993, Zimmerman, Bandura dan Martin Pons, 1992). Ini pernah dibuktikan melalui penelitian yang dibuat terhadap 25 kajian melibatkan kanak-kanak di bawah 16 tahun yang menunjukkan efikasi diri secara konsisten menjadi peramal kepada usaha, penerusan, ketekunan dan kejayaan (Philipchalk, 1995).

Kajian hubungan efikasi diri dengan pencapaian dalam akademik telah banyak dilakukan meliputi semua peringkat pendidikan iaitu di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi seperti oleh D.H. Schunk (1985) dan J.E. William (1996) . Hasil kajian mereka menunjukkan efikasi diri mempunyai peranan dalam pencapaian akademik. Kare Multon dan rakan pada tahun 1991 yang membuat kajian meta analisis terhadap efikasi diri dan kejayaan akademik terhadap 39 kajian, mendapati kepercayaan terhadap efikasi mempunyai kaitan dengan pencapaian dan ketekunan dalam suasana akademik yang berbeza. Didapati pelajar yang percaya mereka akan berjaya adalah lebih tekun dalam usaha dan secara sebenar berjaya berbanding dengan mereka yang tidak mempunyai keyakinan (Philipchalk, 1995). Menurut Pintrich dan De Groot (1990), efikasi diri pelajar terhadap efikasi akademik mereka (kerja sekolah) mempunyai pertalian dengan hasil akademik yang penting seperti motivasi, penglibatan kognitif dan pencapaian pelajar. Pelajar yang mempunyai efikasi diri yang tinggi dalam sekolah cenderung mempunyai pencapaian tinggi di sekolah (Bandura, 1993; Pintrich dan Groot, 1990; Schunk, 1994). Thomas dan rakan-rakan (1987) yang mengkaji hubungan antara proses ulangkaji, efikasi diri dan



pencapaian akademik mendapati efikasi diri menjadi angkubah peramal yang paling nyata dengan pengukuran terhadap pencapaian akademik sama ada di sekolah menengah, sekolah tinggi atau kolej. Willhite (1990) yang membuat kajian ke atas 184 pelajar kolej yang mengambil kursus psikologi telah menyokong kajian Thomas. Beliau mendapati angkubah yang digunakan iaitu konsep diri akademik dan efikasi diri mempunyai hubungan dengan pencapaian kursus.

Mitchell, Happer, Daniels, George-Falhy dan James (1994) yang membuat kajian ke atas 119 pelajar yang mengambil kursus psikologi dan perniagaan di sebuah universiti cuba melihat bagaimana efikasi diri boleh berubah dan bagaimana perubahan itu mempunyai kaitan dengan pencapaian akademik. Walaupun menyimpulkan hubungan antara efikasi diri, skor yang dijangka, matlamat dan pencapaian adalah kompleks dan berubah kerana kemahiran diperolehi, namun mereka menyimpulkan efikasi tetap menjadi peramal yang baik terhadap pencapaian tetapi menjadi tidak penting apabila kemahiran dipelajari dengan baik.

Bagi memperjelaskan lagi kajian tentang efikasi dan pencapaian akademik Lee dan Bobko (1994) telah membandingkan lima jenis pengukuran yang biasa digunakan dalam penyelidikan untuk mengukur efikasi diri dan hubungannya dengan matlamat dan pencapaian prestasi. Mereka menggunakan 92 pelajar ijazah sarjana muda bidang pengurusan bagi program lima tahun. Kajian mendapati kesemua pengukuran efikasi diri mempunyai hubungan kait yang tinggi dengan matlamat dan prestasi pencapaian. Lima pengukuran itu diklasifikasikan sebagai efikasi diri magnitud, kekuatan efikasi diri, efikasi diri komposit 1, efikasi diri komposit 2 dan kadar keyakinan. Efikasi diri magnitud mempunyai korelasi 0.52 dengan pencapaian lalu dan 0.53 dengan pencapaian terbaru. Kekuatan efikasi mempunyai korelasi 0.54 dengan pencapaian lalu dan 0.51 pencapaian terkini. ED komposit 1 mempunyai korelasi 0.61 dengan pencapaian lalu dan 0.65 pencapaian terkini. ED komposit 2 mempunyai korelasi 0.53 dengan pencapaian lalu dan

0.60 pencapaian terkini. Kadar keyakinan mempunyai korelasi 0.54 dengan pencapaian lalu dan 0.48 dengan pencapaian terkini. Penemuan mereka menggunakan lima pengukuran tersebut ternyata menyokong hipotesis mereka yang berdasarkan kepada penemuan kajian lalu. Hipotesis mereka ialah “Consistent with prior literature, there will be positive relationships between self-efficacy and both self-set goals and performance. More important and consistent with earlier logic, the composite measures of self efficacy will show the highest validities, and the single item measure will show the lowest validity, with these consequence measures”.

Selain daripada hubungan efikasi diri dengan pencapaian akademik, hubungan efikasi diri dengan pencapaian dalam mata pelajaran tertentu juga telah banyak dilakukan dan menunjukkan hubungan yang positif. Walaupun ia mengkhusus kepada mata pelajaran tertentu namun boleh menjadi petunjuk kepada pencapaian akademik. Ini mengukuhkan pernyataan bahawa efikasi diri menjadi peramal yang kuat kepada pencapaian akademik. Antara mata pelajaran yang banyak dikaitkan dengan efikasi diri ialah matematik. Pajares dan Miller (1994) mendapati efikasi diri dalam matematik mempunyai korelasi 0.545 dengan pencapaian matematik walaupun ada faktor-faktor lain yang mempengaruhi seperti jantina, pengalaman matematik di sekolah tinggi, pengalaman di kolej, konsep diri matematik dan jangkaan bahawa matematik berguna. Randhwa, Beamer dan Lundberg (1993) mendapati terdapat hubungan yang positif antara efikasi terhadap matematik dan pencapaian matematik iaitu  $r=0.32$  walaupun ia menjadi pengantara dengan sikap terhadap matematik.

Selain daripada itu kajian-kajian yang menggunakan analisis korelasi dan analisis ‘path’ telah menyokong bahawa efikasi diri boleh berperanan sebagai pengantara antara angkuh sikap sebagai angkuh *exogenous* dan pencapaian sebagai angkuh *endogenous*. Sebagai contoh Hackett dan Betz (1989) melaporkan (a) pencapaian matematik dan (b) pengukuran efikasi diri matematik adalah signifikan dan mempunyai hubung kait yang positif dengan sikap terhadap matematik.

Seperti yang telah dinyatakan, pencapaian akademik tidak

diukur berdasarkan kepada gred dalam peperiksaan sahaja tetapi melalui beberapa kaedah penilaian yang lain seperti yang diamalkan dalam sains sukan. Penilaian mungkin berdasarkan kecekapan dan keupayaan membuat tugas dalam tempoh tertentu. Keupayaan dalam membuat tugas juga boleh mempengaruhi pencapaian gred keseluruhan. Satu sikap yang wujud di kalangan pelajar ialah sikap bertanggung dalam membuat sesuatu tugas. Kajian di Amerika Syarikat mendapati 50 peratus pelajar sarjana muda menghadapi masalah penangguhan tugas mereka sehingga dianggap sebagai masalah serius (Haycock dan McCarthy, 1998). Kajian oleh Wesley (1994 dipetik daripada Haycock dan McCarthy, 1998) mendapati penangguhan menjadi punca kepada kemerosotan gred purata di kolej. Begitu juga pelajar kolej boleh gagal menyiapkan disertasi mereka. Sikap bertanggung dipengaruhi oleh banyak faktor seperti kepercayaan yang tidak rasional, harga diri, optimisme, tidak mengguna masa dengan baik dan malas. Kebimbangan dan efikasi diri juga mempengaruhi sikap bertanggung. Haycock dan McCarthy membuat hipotesis bahawa jangkaan efikasi adalah peramal yang kuat kepada sikap bertanggung. Dengan menggunakan korelasi Zero-order, Haycock dan McCarthy (1998) mendapati penangguhan berkaitan dengan efikasi diri mempunyai hubungan yang songsang iaitu  $r=-.40$ , bagi efikasi kumulatif  $r=-.50$  dan purata kekuatan efikasi  $r=-.39$ .

## **Kaedah Kajian**

### **Persampelan**

Kajian bagi penyelidikan ini ialah Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia iaitu Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Populasi kajian ialah semua pelajar pusat pengajian tinggi di Malaysia tahun kedua ke atas yang telah menduduki peperiksaan dan telah memperolehi CPA/GPA. Oleh kerana jumlah populasi adalah begitu besar, maka persampelan yang digunakan adalah

secara rawak. Dua belas pusat pengajian tinggi di Malaysia yang wujud pada 1999 disampelkan dan beberapa buah universiti telah dipilih iaitu UTM, UM, UIA, ITM dan UNIMAS. Bagaimanapun terdapat juga pelajar IPTA lain diambil sebagai sampel kerana kesukarelaan mereka untuk menjawab soalselidik. Meskipun jumlah populasi beberapa pusat pengajian tinggi diperolehi namun sampel yang diambil daripada kelima-lima universiti dibuat secara rawak berdasarkan kesudian mereka untuk menjawab soal selidik. Kaedah ini dipilih kerana masalah masa, kewangan dan jumlah populasi yang besar. Ini adalah kerana adalah mustahil mengambil sampel dalam jumlah yang besar memandangkan masa yang terhad.

### **Instrumen Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kaji selidik melalui satu set soal selidik yang diedarkan kepada responden. Borang soal selidik ini dibentuk untuk menjawab objektif kajian dan menguji hipotesis yang telah dibentuk. Soal selidik ini merupakan gabungan soal selidik terpilih yang telah dikemukakan oleh beberapa penyelidik yang lepas. Pengubahsuaian dilakukan bagi menepati kehendak kajian.

Bahagian pertama soal selidik mengandungi maklumat demografi pelajar seperti umur, tahun pengajian, bidang pengajian, universiti, kumpulan etnik, jantina, kelulusan sebelum memasuki universiti, pengalaman bekerja, pengalaman menyertai latihan atau kursus dan CPA yang diperolehi.

Soal selidik mengenai efikasi diri diambil daripada kajian Helen dan Hicks (1997) yang membuat kajian mengenai efikasi diri dan tugas akademik. Soal selidik ini diterima pakai kerana kesesuaiannya dengan bidang kajian berkaitan akademik. Helen dan Hicks membina soal selidik mereka berdasarkan soal selidik *Patterns of Adaptive Learning Survey (PACS)* oleh Midgley et. al (1996) bagi efikasi akademik dan *Perceive Competence Scale for Children* oleh Harter, S. (1982) mengenai efikasi sosial. Bagi

menyesuaikan dengan kehendak kajian hanya tiga angkubah utama daripada soal selidik ini diguna pakai iaitu efikasi akademik, efikasi sosial-hubungan dengan rakan dan efikasi sosial-hubungan dengan pensyarah. Sebanyak 18 soalan dikemukakan bagi ketiga ungkubah berkenaan.

Kesemua soal selidik ini mengandungi data *nominal*, *ordinal*, *interval* dan *ratio*. Soalan yang berkaitan dengan efikasi diri menggunakan lima skala daripada sangat tidak benar hingga sangat benar. Bagi soalan efikasi diri sangat benar diberi nilai 5 dan sangat tidak benar diberi nilai 1. Soalan di dalam soal selidik diberikan dalam bentuk positif dan negatif. Sekiranya skor tertinggi sekumpulan item untuk menentukan jumlah skor sesuatu angkubah dikira berdasarkan jawapan berbentuk positif, item yang berbentuk negatif akan dikodkan semula di dalam komputer.

### **Kebolehpercayaan (reliability)**

Pengkaji menerimapakai ujian kebolehpercayaan yang telah dibuat oleh Helen dan Hicks. Efikasi diri berdasarkan ujian yang dibuat oleh Helen dan Hicks pula melebihi 0.70. Nilai bagi setiap angkubah ialah efikasi akademik Alpha 0.78, efikasi sosial-hubungan dengan rakan Alpha 0.72, dan efikasi sosial-hubungan dengan pensyarah Alpha 0.71.

### **Penganalisan data**

Penganalisan data dibuat menggunakan kaedah statistik deskriptif untuk mencari min dan norma efikasi pelajar IPTA dan statistik inferensi untuk menjawab hipotesis atau melihat perkaitan antara angkubah. Pengiraan bagi tahap efikasi diri dibahagikan kepada tiga iaitu efikasi akademik, efikasi sosial/rakan dan efikasi sosial/pensyarah. Tahap efikasi diri pula dikira secara kumulatif.

Pengiraan angkubah bersandar iaitu pencapaian akademik menggunakan pencapaian CPA pelajar. Secara umum universiti di

Malaysia yang menggunakan pengukuran CPA meletakkan tahap 2.0 ke atas sebagai kedudukan akademik yang baik. Penganugerahan diploma atau ijazah di peringkat sarjana muda akan dilakukan setelah pelajar memenuhi syarat termasuk mendapat kelulusan yang baik dan biasanya purata melebihi 2.0. Dengan tahap maksimum 4.0, Universiti Teknologi Malaysia contohnya memberi taraf kedudukan berikut:

- Kedudukan Baik (KB) - CPA melebihi 2.0
- Kedudukan Bersyarat (KS) - CPA 1.70 hingga 1.9
- Kedudukan Gagal (KG) - CPA kurang daripada 1.70

Bagi kajian ini pengukuran CPA dibuat berdasarkan dua kategori di bawah iaitu:

1. Tahap CPA rendah
2. Tahap CPA sederhana
3. Tahap CPA tinggi
  1. Bawah 2.0
  2. 2.0 hingga 2.9
  3. 3.0 hingga 3.6
  4. 3.7 hingga 3.9
  5. 4.0

## **Hasil Kajian**

### **Umur, Jantina dan Kaum**

Daripada 485 responden, lebih 408 atau 84.1 peratus berumur antara 18 hingga 23 tahun, 60 responden (12.4%) 24 hingga 28 tahun, 10 responden (2.1%) 29 hingga 33 tahun, 4 responden (0.8%) 34 hingga 38 tahun dan 3 responden (0.6%) berumur 39 tahun ke atas. Ini menunjukkan responden yang berumur 18 hingga 23 tahun paling ramai bilangannya.

Dari segi jantina seramai 253 responden (52.2%) ialah perempuan manakala 232 (47.8%) ialah lelaki. Responden menurut kaum pula dibahagikan kepada dua kategori iaitu pertama, bumiputera dan bukan bumiputera dan kedua, etnik iaitu Melayu dan bumiputera Sabah/Sarawak, Cina dan India. Bilangan responden bumiputera ialah 335 (69.9%), bukan bumiputera 144 (29.7%) dan tidak menyatakan 6 responden (1.2%). Bilangan menurut bangsa pula ialah 335 (69.9%) Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak, 131 (27.3%) Cina dan 13 (2.7%) India Universiti, Bidang dan Tahun Pengajian

Daripada 12 pusat pengajian tinggi utama yang wujud pada tahun 1999 yang disampelkan, responden terbanyak datang daripada ITM, UNIMAS dan UTM. Responden daripada UTM ialah 237 (48.9%), ITM 128 (26.4%), UNIMAS 75 (15.5%) manakala selebihnya 45 responden (9.3%) ialah daripada UIA, UM, UPM dan UPSI. Berdasarkan bidang, 295 responden (60.8%) ialah daripada aliran sains manakala 180 (37.1%) ialah sains sosial atau agama. Responden menurut tahun pengajian ialah tahun kedua 168 (34.6%), ketiga 225 (46.4%), keempat 54 (11.1%) dan kelima 28 (5.8%).

#### Tahap Pencapaian Akademik

Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4, daripada 485 responden yang dianalisis didapati 30 responden (6.2%) memperoleh CPA melebihi 3.7, 239 (49.3%) memperoleh CPA 3.0 hingga 3.6, 200 (41.2%) memperoleh 2.0 hingga 2.9 dan hanya 4 responden (0.8%) memperoleh CPA 1.0 hingga 1.9 manakala 12 responden tidak menyatakan CPA yang diperoleh.

Tahap Pencapaian CPA	Kekerapan	Peratus
CPA 3.7 Ke atas	30	6.2
CPA 3.0 hingga 3.6	239	50.5
CPA 2.0 hingga 2.9	200	41.2
CPA 1.0 hingga 1.9	4	0.8
Tidak dinyatakan	12	2.5
Jumlah	485	100

**Jadual 4:** Pencapaian CPA Pelajar IPTA Malaysia

Daripada tiga kategori CPA yang dibuat klasifikasi iaitu tinggi, sederhana dan rendah didapati 269 (55.5%) mendapat CPA tinggi, 200 (41.2%) CPA sederhana 4 responden (0.8%) sahaja yang mendapat CPA rendah.

Tahap pencapaian CPA	Kekerapan	Peratus
CPA Tinggi	269	55.5
CPA Sederhana	200	41.2
CPA Rendah	4	0.8
Tidak dinyatakan	12	2.5
Jumlah	485	100

**Jadual 5:** Kekerapan Tahap CPA

### **Tahap Efikasi Diri**

Efikasi diri dibentuk berdasarkan tiga angkuabah yang utama iaitu efikasi akademik, efikasi sosial terhadap rakan dan efikasi sosial terhadap pensyarah. Skor efikasi dibahagikan kepada tiga tahap ukuran iaitu tinggi, rendah dan sederhana.

### **Efikasi Akademik**

Hasil kajian menunjukkan majoriti pelajar IPTA yang dikaji mempunyai tahap efikasi akademik yang tinggi, iaitu mempunyai keyakinan kebolehan diri yang tinggi. Lebih 92 peratus menganggap mereka mempunyai efikasi akademik yang tinggi. Hanya 21 (4.3%) pada tahap sederhana dan 6(1.2%) pada tahap yang rendah. Ini boleh dilihat dalam Jadual 17.



Efikasi Akademik	Kekerapan	Peratus
Tinggi	448	92.4
Sederhana	21	4.3
Rendah	6	1.2
Tidak dinyatakan	10	2.1
Jumlah	485	100

**Jadual 17:** Taburan Kekerapan Efikasi Akademik

### Efikasi Sosial-Rakan

Seperti efikasi akademik skor yang diperolehi untuk efikasi sosial dengan rakan juga tinggi. Hampir 83 peratus iaitu 402 responden menyatakan efikasi mereka dengan rakan ialah tinggi berbanding dengan 67 (13.8%) menyatakan sederhana. Hanya 2 (0.4%) menyatakan tahap efikasi mereka ialah rendah. Lihat Jadual 18.

Efikasi Sosial/rakan	Kekerapan	Peratus
Tinggi	402	82.9
Sederhana	67	13.8
Rendah	2	0.4
Tidak dinyatakan	14	2.9
Jumlah	485	100

**Jadual 18:** Taburan Kekerapan Efikasi Sosial-Rakan

### Efikasi Sosial-Pensyarah

Daripada hasil kajian, pelajar IPTA menghadapi sedikit masalah dalam efikasi diri apabila berhadapan dengan pensyarah. Walau

bagaimanapun hanya 12 (2.5%) yang menyatakan efikasi mereka ialah rendah berbanding dengan 286 (59%) menyatakan tinggi dan 176 (36.3%) pada tahap sederhana. Lihat Jadual 19.

Efikasi Sosial/pensyarah	Kekerapan	Peratus
Tinggi	286	59.0
Sederhana	176	36.3
Rendah	12	2.5
Tidak dinyatakan	11	2.3
Jumlah	485	100

**Jadual 19:** Taburan Kekerapan Efikasi Sosial-Pensyarah

### **Efikasi Diri Keseluruhan**

Efikasi diri secara keseluruhan bagi pelajar pusat pengajian tinggi ialah skor keseluruhan bagi semua jenis efikasi iaitu efikasi akademik, efikasi sosial dengan rakan dan pensyarah. Jadual 20 menunjukkan tahap dan kekerapan efikasi diri secara kumulatif bagi pelajar IPTA yang dikaji. Hanya 25 (5.2%) daripada responden berada pada efikasi diri yang rendah, 64 (13.2%) sederhana dan 381 (78.6%) berada pada tahap sederhana.

Efikasi Akademik	Kekerapan	Peratus
Tinggi	64	13.2
Sederhana	381	78.6
Rendah	25	5.2
Tidak dinyatakan	15	
Jumlah	485	100

**Jadual 20:** Taburan Kekerapan Efikasi Diri Kumulatif**Min Efikasi Diri Pelajar IPTA**


Daripada hasil kajian didapati min keseluruhan efikasi diri pelajar IPTA ialah 64.5 untuk 18 item yang disoal dengan sisihan lazim 7.05. Min bagi efikasi akademik ialah 27.1 untuk tujuh item yang disoal dan sisihan lazim 3.68. Min bagi efikasi sosial dengan rakan ialah 24.3 untuk tujuh item yang disoal dan sisihan lazim 2.86, manakala min bagi efikasi sosial dengan pensyarah ialah 13.1 untuk empat item yang disoal dan sisihan lazim 2.39.

Efikasi Akademik	Min	S.lazim
Efikasi diri kumulatif	64.5	7.05
Efikasi akademik	27.1	3.68
Efikasi sosial/rakan	24.3	2.86
Efikasi sosial/pensyarah	13.1	2.39

**Jadual 21** Min Efikasi Diri Pelajar IPTA Malaysia**Min efikasi sebenar**

Min efikasi sebenar didasarkan kepada lima skala yang digunakan dalam kajian. Skor min bernilai 3.0 merupakan biasa (average), 4.0 ke atas adalah tinggi, manakala bawah 3.0 ialah rendah. Didapati tahap efikasi berdasarkan min tidak melepasi 4.0 tetapi berada pada tahap melebihi kebiasaan seperti yang ditunjukkan dalam jadual dan graf di bawah:

Graf Skor Min E fikasi Diri Pelajar IPTA



Perkaitan antara efikasi diri pelajar IPTA dan Pencapaian Akademik Efikasi diri yang rendah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik. Golongan pelajar yang tinggi efikasi selalunya mempunyai pencapaian yang baik dalam akademik. Berdasarkan kajian literatur, pengkaji menggunakan hasil kajian untuk mengenal pasti terlebih dahulu kumpulan yang rendah efikasi diri yang dianggap kumpulan yang lemah untuk dibandingkan dengan pencapaian akademik mereka secara deskriptif. Jadual *cross tab* digunakan untuk tujuan ini dan didapati kumpulan yang mengandungi 2 orang atau 8.0 peratus daripada 25 pelajar yang rendah efikasi diri mendapat CPA kurang daripada 2.0. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar yang ..... tinggi efikasi diri mempunyai pencapaian akademik yang baik. Jadual 23 menunjukkan taburan tersebut.

Angkubah Bebas	Jumlah	CPA 1.0-1.9	CPA 2.0-2.9	CPA 3.0-3.6	CPA 3.7-3.9	CPA 4.0
Efikasi	25 n(25)	2 (8.0)	9 (36.0)	12 (48.0)	2 (8.0)	0 (0)

n ialah jumlah yang dikira daripada jumlah keseluruhan

Jadual Silang Tahap CPA bagi Pelajar yang rendah efikasi Diri

### ***Perbezaan berdasarkan demografi***

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara tahap efikasi berdasarkan beberapa faktor demografi. Ujian t (t-test) menunjukkan tidak terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan. Berdasarkan etnik, ujian ANOVA dan kaedah Tukey menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kumpulan etnik. Berdasarkan tahun pengajian menggunakan ANOVA dan kaedah Tukey, tidak terdapat perbezaan signifikan antara tahun kedua, ketiga, keempat dan kelima. Begitu juga menurut bidang, berdasarkan ujian t (t-Test), tidak terdapat perbezaan signifikan antara pelajar sains dan sains sosial.

### ***Perkaitan antara efikasi dan pencapaian akademik***

Ujian korelasi antara efikasi diri dengan pencapaian akademik berasaskan CPA menunjukkan perkaitan yang positif dan signifikan iaitu  $r = .123$ , tetapi hubungannya adalah rendah.

## **KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Hasil kajian mengenai efikasi diri sangat memberangsangkan kerana dari segi kekerapan majoriti pelajar IPTA mempunyai keyakinan terhadap kebolehan diri yang tinggi atau sekurang-kurangnya sederhana yang menghampiri tahap yang tinggi. Rumusan daripada hasil kajian ialah seperti berikut:

- i. Hanya 25 (5.2%) responden menyatakan efikasi diri mereka rendah, 381 (78.6%) sederhana dan 64 (13.2%) tinggi.
- ii. 92.4 peratus atau 448 responden mempunyai efikasi akademik yang tinggi berbanding 4.3 peratus (21 responden) sederhana dan 1.2 peratus atau 6 responden menyatakan rendah.

- iii. 82.9 peratus iaitu 402 responden tinggi tahap efikasi dengan rakan berbanding 13.8 peratus iaitu 67 responden menyatakan sederhana dan 0.4 peratus atau 14 menyatakan rendah.
- iv. 59 peratus iaitu 286 responden menyatakan tahap efikasi mereka dengan pensyarah ialah tinggi. Ini menunjukkan efikasi sosial dengan pensyarah lebih rendah pencapaian daripada angkubah efikasi yang lain. Bagaimanapun hanya 12 (2.5%) responden yang menyatakan rendah, 176 (36.3%) menyatakan sederhana.
- v. Secara keseluruhan min bagi efikasi diri pelajar IPTA ialah 64.5 melebihi 54.0 tetapi kurang daripada 72.0.
- vi. Tidak terdapat perbezaan tahap efikasi berdasarkan faktor demografi.
- vii. Terdapat perkaitan yang positif antara efikasi diri dengan pencapaian akademik, tetapi hubungannya adalah rendah.

### **Cadangan aplikasi**

- i. Memberi fokus kepada pelajar yang mempunyai efikasi diri yang rendah dan meningkatkan yang sederhana
- ii. Menjelaskan kepada pelajar kepentingan efikasi diri yang tinggi dalam pembelajaran
- iii. Menerapkan kaedah meningkatkan efikasi melalui kemahiran generik
- iv. Menerapkan kepada pelajar sikap menghormati pensyarah tetapi tidak takut untuk berkomunikasi dengan pensyarah
- v. Mengorientasikan setiap mata pelajaran sebagai mata pelajaran yang boleh dikuasai oleh setiap pelajar (tidak memaparkan imej sesuatu mata pelajaran sebagai 'killer subject').
- vi. Menggalakkan pembelajaran secara berkumpulan

## Limitasi

Hasil kajian ini mempunyai limitasi kerana skop kajian terutama pencapaian akademik tertumpu kepada CPA secara keseluruhan. Perlu juga dibuat penelitian yang lebih khusus seperti pencapaian dalam latihan ilmiah seperti yang telah dibuktikan oleh Haycock dan McCarthy (1998). Selain daripada itu (seperti di UTM) fokus selalu diberikan kepada pelajar sarjana muda. Oleh itu fokus juga perlu diberikan kepada pelajar ijazah lanjutan kerana

## RUJUKAN

- Ahmad Zaidi Johari & T. Subahan Mohd. Meerah (1994). "Profil tingkah laku pelajar ekonomi". Dlm. T. Subahan Mohd. Meerah, Rohaty Mohd Majzub & Ahmad Jaffni Hassan ed. *Pembangunan Sumber Manusia*. Bangi: Penerbit UKM, pp. 130-145.
- Appelbaum, S. H. & Hare, A. (1996). "Self-efficacy as a mediator of goal setting and 19 | Simposium Pengajaran dan Pembelajaran UTM 2007 (SSUTM 07) Kecemerlangan Pendidikan Menerusi Pengajaran dan Pembelajaran Berkualiti performance some human resource applications. *Journal of Managerial Psychology*. 11(30), pp.32-47.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and action: A Social Cognitive theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1977). "Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change". *Psychological Review*, 84, 191-215.
- Bandura, A. (1993). "Perceived self-efficacy in cognitive development and functioning". *Educational psychologist*, 28, 117-148.
- Borich, G. D. & Tombari, M. L. (1997). *Educational Psychology: A Contemporary Approach*.

New York: Longman.

- Hackett, G. & Betz, N.E. (1989). An exploration of the mathematics self-efficacy/ mathematics performance correspondence. *Journal for Research in Mathematics Education*, 20,263-271.
- Haycock, L.A. & McCarthy, P. (1998). "Procrastination in College Students: The role of self-Efficacy and Anxiety. *Journal of Counseling and Development*. 76(30), pp317-324.
- Lee, C. & Bobko, P. (1994). Self-Efficacy Beliefs: Comparison of five Measures. *Journal of Applied Psychology*. 79(3), pp 364-369.
- Locke, E.A. & Latham, G.P. (1990). *A theory of goal setting and task performance*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice Hall.
- Mitchell, T. R., Happer, H., Daniles, D., George-Falvy, J. & James, L. R (1994). "Predicting Self-Efficacy and performance During Skill Acquisition". *Journal of Applied Psychology*. 79(4), pp. 506-517.
- Pajares, F. & Miller, M. D. (1994). Of Self-Efficacy and Self-Concept Beliefs in Mathematical Problem Solving: A Path Analysis. *Journal of Educational Psychology*. (2),pp193-203.
- Philipchalk, R. P. (1995). *Invitation to Social Psychology*. Fortworth: Harcourt Brace College Publishers.
- Pintrich, P.R. & DeGroot, E.V. (1990). Motivational and self-regulated learning components of classroom academic performance. *Journal of Educational Psychology*, 82, 33-40
- Randhawa, B. S., Beamer, J. E. & Lundberg, I. (1993). "Role of Mathematics Self-Efficacy in the Stuctural Model of Mathematics Achievement". *Journal of Educational Psychology*. 85(1), pp. 41-48.
- Robins, S. P. (1989). *Organizational Behavior*. 4th ed. New Jersey: Prentice Hall.
- Schunk, D.H. (1985). Participation in goal-setting: Effects on self-efficacy and skills of learning diasabled children. *Journal of Special education*, 19, 307-317.



- Schunk, D.H. (1990). Introduction to the special section on motivation and efficacy. *Journal of Educational Psychology*, 82, 3-6.
- Schunk, D.H. (1994). "Self-Efficacy and Academic Motivation" in. Clarizio, Harvey F., Mehrens, W.A. & Hapkiew, W. G. eds. *Contemporary Issues in Educational Psychology*. 6th ed. New York: Mcgraw Hill. Inc.
- Schneider, D.J. (1988). *Introduction to Social Psychology*. San Diego: Harcourt Brace Jovanovich.
- Stadjkovic, A. D. & Luthans, F. (1998). " Social Cognitive Theory and Self-Efficacy: Going Beyond Traditional Motivational and Behavioral Approaches". *Organizational Dynamics*. 26(4), pp 62-77.
- Thomas, J.W., Iventosch, L., & Rohwer, W.D., Jr. (1987). Relationship among student characteristics. *Contemporary Educational Psychology*, 12, 344-364.
- Wilhite, S. C. (1990). Self-Efficacy, Locus of Control, self-Assessment of Memory Ability, and Study Activities As predictors of College Achievement". *Educational Psychology*. 82(4). pp. 96-700.
- Williams, J.E. (1996). The relationship between efficacy for self-regulated learning and domain-specific academic performance, controlling for test anxiety. *Journal of Research and Development in Education*, 29, 77-80.
- Wood, R.E. & Bandura, A. (1989). Impact of conceptions of ability on self-regulatory mechanisms and complex decision making. *Journal of Personality and Social Psychology*, 56, 407-415.
- Zimmerman, B.J. (1989). A social cognitive view of self-efficacy related academic learning. *Journal of Educational Psychology*, 329-339.
- Zimmerman, B.J., Bandura, A. & Martinez-Pons, M. (1992). Self motivation for academic attainment: The Role of self-efficacy beliefs and personal goal setting. *American Educational Research Journal*, 29, 663-676.